

Qalam

KDN. 2645 M. C. (P) 2577

Muharram 1367

Mei 1967

Bilangan 202

60 sen.

Dasar kemelayuan di UMNO terbenam?

Tatkala berucap di dalam perwakilan UMNO Seremban En. Senu telah menjelaskan suatu perkara yang dahulunya samar-samar mengenai dasar UMNO khususnya dan Perikatan amnya hari ini untuk dilaksanakan.

Dasar inilah juga dahulunya yang menjadikan almarhum Dato' Onn bin Jaafar terpaksa menarik diri daripada menjadi Yang Dipertua UMNO dengan sebab bantahan-bantahan yang hebat pada masa itu terhadap kepada dasar perjuangan yang dipandang oleh orang-orang Melayu pada masa itu, adalah bertentangan dan tidak bersesuaian kepada kehendak-kehendak umat Melayu.

Dasar peralihan yang nampaknya bakal dilaksanakan oleh Kerajaan Perikatan di Malaysia hari ini ialah menyatukan suatu rupa bangsa yang boleh dipandang akan menghilangkan bangsa-bangsa itu sendiri yaitu umpamanya bangsa Melayu, bangsa Cina dan bangsa India dengan dileburkan kepada satu rupa bangsa yang dinamakan *Malaysian*. Ini dapat dilihat daripada apa yang dikatakan oleh En. Senu di dalam ucapannya di majlis itu yang di antara lain katanya.

“Kita tak dapat mengamalkan dasar kebangsaan Melayu yang sempit, dan pemimpin UMNO yang ada hari ini menyedari hakikat ini, itulah perjuangan mereka semata-mata demokrasi kebangsaan.”

Seterusnya ia menyatakan – kita tidak mengikut jejak langkah datuk nenek kita, empat puluh hingga lima puluh tahun lalu, di mana perjuangan mereka hanya semata-mata berdasarkan kebangsaan Melayu yang sempit yaitu Melayu untuk Melayu.

Kita di Malaysia hari ini hendaklah menyesuaikan keadaan hari ini yaitu negara dan penduduk-penduduknya yang berbilang kaum.

Untuk ini, katanya, dasar demokrasi sahajalah yang sesuai dijalankan di negeri ini. Dan UMNO suatu parti yang telah menjalankan dasar ini.

Beliau menyatakan juga bahawa perjuangan yang berdasarkan kebangsaan sempit boleh mengakibatkan perkelahian dan menghancurkan negara.

Kita, yang sentiasa mengikuti perkembangan politik di negeri ini dan sentiasa memerhatikan hak-hak orang-orang Melayu sebagai rupa bangsanya bangsa Melayu dan mengikuti pula perkembangannya dari satu masa ke satu masa, persoalan yang di atas ini menimbulkan suatu pertanyaan kepada kita tentang perjuangan UMNO dan perjuangan Perikatan. Kita katakan begitu kerana kita tidak dapat membezakan di manakah perjuangan kebangsaan UMNO yang diperjuangkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan di mana perjuangan Perikatan.

Sepanjang yang kita ingat, jika tidak khilaf, mandat yang diberikan oleh UMNO di dalam menubuhkan Perikatan adalah mandat bekerjasama dengan rakan-rakan yang lain tetapi di dalam keadaan sekarang kita melihat, daripada apa yang dapat kita pandang, bahawa pemimpin-pemimpin UMNO memperjuangkan semata-mata dasar Perikatan dan tidak ada ternampak oleh kita dasar UMNO sebagai pertubuhan Melayu yang menjadi teras di dalam Perikatan itu diperjuangkan. Adakah mereka tidak dapat memperjuangkan ini supaya terdiri toleransi di dalam Perikatan dan mengorbankan maslahat-maslahat yang ada di dalam dan yang dikehendaki oleh UMNO dengan sifatnya sebagai pertubuhan politik orang-orang Melayu?

Kita memandang, kalau itulah yang dituju apalah gunanya lagi adanya UMNO dan jadikan sahaja suatu badan Perikatan yang mutlak dengan membuang nama-nama pertubuhan di dalamnya seperti UMNO, M.C.A dan M.I.C dan ini patut jika itulah tujuannya dileburkan dahulu sebelum meleburkan bangsa-bangsa itu menjadi satu bangsa yang tunggal di atas nama bangsa *Malaysian* – tidak bercina, tidak bermelayu dan berindia lagi.

Konsep ini adalah seakan-akan yang dijalankan oleh PETIR di Singapura yang dahulunya ditakuti oleh Perikatan sendiri. Perdana Menteri Lee Kuan Yew sendiri tentu tersenyum, sama ada tepat atau tidak, setelah konsepnya berjalan dengan tidak bersusah-payah menubuhkan satu parti yang menjalankan dasarnya di Tanah Melayu.

Adakah umum orang-orang melayu reda